

27/06/2004

Isyarat capai kemenangan (HL)

By Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Pencalonan dari Bahagian Kepala Batas dan Pekan untuk jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi pada Perhimpunan Agung Umno, September ini dijangka mempunyai kelebihan dan isyarat untuk menang.

Hakikat itu diakui oleh dua Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dalam satu pertemuan dengan Berita Minggu, yang melahirkan rasa gembira jika nama mereka turut dalam senarai tiga calon yang dinamakan dua bahagian itu untuk mempertahankan jawatan masing-masing.

Menurut mereka, walaupun pemangku Presiden dan Timbalannya yang mengetuai bahagian berkenaan tidak mempengaruhi perwakilan bahagian masing-masing dalam membuat keputusan mencalonkan bahagian mereka, namun ia tetap dilihat oleh perwakilan Umno sebagai isyarat atau pilihan untuk menang.

Muhammad berkata; "Memanglah seronok kalau nama saya dicalonkan ... terpulang kepada perwakilan pada 23 September ini siapa yang mereka pilih. Saya fikir pada masa itu, perwakilan akan memutuskan berdasarkan kriteria calon Naib Presiden yang dipilih bahagian Kepala Batas dan Pekan".

Senada dengan itu, Muhyiddin berkata: "Bagi sesiapa yang bertanding, sebagai contohnya saya sendiri, memanglah mengharap kalau nama saya turut tersenarai dalam pencalonan di dua bahagian itu. Biasalah! pada pandangan orang Umno, kalau bahagian Presiden dan Timbalan Presiden mencalonkan, ia bagaikan isyarat."

Beliau berkata, pencalonan yang dibuat bahagian yang diketuai oleh Presiden dan Timbalan Presiden Umno bukanlah perkara baru kerana ia sebenarnya sudah berlangsung dalam parti sejak penubuhan pada 1946.

"Setiap kali pemilihan, sudah tentu orang memberi perhatian, apakah pencalonan atau nama siapa timbul di bahagian yang diketuai Presiden dan Timbalan Presiden kerana itu adalah bahagian pucuk pimpinan parti.

"Ramai pihak berkata, kalau nama mereka tersenarai, maka ia dapat bonus. Saya fikir ini bukan perkara baru," katanya.

Malah, kata beliau ada juga yang mengatakan keputusan bukan dibuat oleh ketua tetapi perwakilan bahagian itu, namun ada juga orang kata ketua bahagian boleh mempengaruhi perwakilan, namun dari segi demokrasi, keputusan dibuat perwakilan bahagian.

Bahagian Kepala Batas yang diketuai Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan bersidang pada 17 Julai depan, manakala tarikh persidangan Bahagian Pekan belum ditetapkan. Sebelum ini, dua bahagian itu dijangka bersikap berkecuali dengan tidak membuat pencalonan jawatan tertinggi termasuk Naib Presiden.

Ini kerana sebarang pencalonan dua bahagian itu dikhuatiri mempengaruhi perwakilan tetapi Abdullah menyatakan mengikut perlembagaan, semua bahagian Umno termasuk Kepala Batas dan Pekan tidak boleh mengelak daripada membuat pencalonan lengkap Naib Presiden dan MT.

Pada pemilihan 2000, Datuk Seri Najib Razak, Muhyiddin dan Muhammad, yang dicalonkan Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad, memenangi jawatan Naib Presiden menewaskan enam calon lain yang ada di antaranya yang mendapat jumlah pencalonan lebih tinggi.

Muhyiddin berkata, ada ketikanya pencalonan yang dibuat oleh bahagian Presiden juga tidak serupa dengan bahagian lain dan pencalonan bahagian itu tidak menentukan kemenangan calon ketika perhimpunan agung.

"Apa pun, saya fikir perwakilan bijak, daripada 2,000 perwakilan dengan pelbagai latar belakang, kita tidak boleh perkecilkan mereka, akhirnya mereka yang menentukan kalah atau menang seseorang calon, bukan hanya bahagian Presiden atau Timbalan," katanya.

Sementara itu, Muhammad berkata, pengaruh pencalonan daripada bahagian Kepala Batas dan Pekan itu bergantung kepada tanggapan ahli Umno seperti perhatian terhadap pencalonan Kubang Pasu dan Kepala Batas pada tahun 2000.

Beliau berkata, perlembagaan parti sudah menetapkan bahawa semua bahagian mencalonkan jawatan dari Pengerusi Tetap hingga Pemeriksa Kira-Kira, maka secara Perlembagaan, semua bahagian kena mencalonkan.

"Pada suatu ketika dulu, pernah disarankan supaya Kubang Pasu dan ketika itu, Permatang Pauh dikecualikan, maka pernah kita kecualikan. Selepas itu, tidak dikecualikan. Maka Kubang Pasu dan Kepala Batas pada tahun 2000 mencalonkan nama untuk dipertandingkan.

"Kalau kita nak balik semula tidak perlu pencalonan, maka kita ini berbalik-balik. We have to move forward, maknanya kedua-dua bahagian ini juga seperti bahagian lain akan mencalonkan. Sama ada ahli Umno akan terikut atau tidak, itu Wallahhualam, saya pun tak tahu," katanya.

Beliau berkata, secara peribadi memang wajar dua bahagian itu membuat pencalonan kerana semua bahagian mestilah memberi peluang kepada perwakilan menunjukkan sikap siapa yang hendak dicalonkan.

(END)